



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS PELANCARAN KHAS
MATA WANG POLIMER BND 50 KENANG-KENANGAN, DUIT SYILING KENANG-KENANGAN
DAN DUIT SYILING BAGI EDARAN SIRI KE-5
SERTA
BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN MUFTI KERAJAAN “RAJA MELAKAR SEJARAH”
DAN “THE KING WHO SHAPES HISTORY”
SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN DAN DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
MENAIKI TAKHTA**

**DEWAN BANKUET, JABATAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
HARI RABU, 13 MUHARRAM 1439H BERSAMAAN DENGAN 4 OKTOBER 2017M**

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Khas Mata Wang Polimer BND 50 Kenang-Kenangan, Duit Syiling Kenang-Kenangan dan Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5, dan Buku-Buku Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan “Raja Melakar Sejarah” dan “*The King Who Shapes History*” sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada hari Rabu, 13 Muharram 1439H bersamaan dengan 4 Oktober 2017M di Dewan Bankuet, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.
2. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, yang juga Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas, ke Majlis Pelancaran Khas tersebut dijunjung oleh
 - Duli Yang Teramat Mulia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien selaku Ahli Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas;
 - Pengerusi-Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua); Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan; dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha, Setiausaha Sulit

dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

3. Turut menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ialah ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas dan ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD.
4. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.
5. Setelah itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas menyembahkan sembah alu-aluan.
6. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah kemudiannya berkenan melancarkan Mata Wang Polimer BND 50 Kenang-Kenangan, Duit Syiling Kenang-Kenangan dan Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5, serta Buku-Buku Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan "Raja Melakar Sejarah" dan "*The King Who Shapes History*" sempena Sambutan Jubli Emas.
7. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah turut berkenan menyaksikan tayangan video Ciri-Ciri Mata Wang Polimer BND 50 Kenang-Kenangan, Duit Syiling Kenang-Kenangan dan Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5 Buku-Buku Terbitan Jabatan Mufti Kerajaan "Raja Melakar Sejarah" dan "*The King Who Shapes History*" sempena Sambutan Jubli Emas, dan tayangan video Pencetakan Mata Wang Polimer BND 50 Kenang-Kenangan, Duit Syiling Kenang-Kenangan dan Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5 sempena Sambutan Jubli Emas .
8. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Emas, ahli-ahli Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, Timbalan Mufti Kerajaan, pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan dan Autoriti Monetari Brunei Darussalam, serta ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pelancaran Khas.
9. AMBD akan mengeluarkan sebanyak 500,000 keping Mata Wang Polimer BND 50 Kenang-Kenangan dan Duit Syiling Bagi Edaran Siri Ke-5 sempena Sambutan Jubli Emas akan boleh diperolehi bagi pertukaran pada nilai muka yang sama daripada semua bank-bank dan cawangan masing-masing di seluruh negara mulai hari Isnin, 9 Oktober 2017.
10. Selain daripada itu, koleksi eksklusif mengandungi sembilan jenis set mata wang dan duit syiling numismatik juga akan dijual kepada orang ramai mulai hari ini, 4 Oktober 2017 secara pra-pesanan (*pre-order*). Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah melayari <https://www.ambd.gov.bn/HB50>.
11. Bagi buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan "Raja Melakar Sejarah" dan "*The King Who Shapes History*" akan dijual mulai hari Khamis, 5 Oktober 2017 di Pejabat Mufti Kerajaan, Jalan Pengiran Babu Raja.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 13 Muharram 1439H/ 4 Oktober 2017M

Ruj No: AMBD/COMMS/3/2017